# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 11 JANUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | AGRICULTURE MINISTER SHOULD ADDRESS HARDSHIP FACED BY EGG FARMERS, NATION, SIN CHEW DAILY -10 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 2. | GANTUNG LESEN JIKA GUNA PUKAT MATA 300, NASIONAL, BH -21 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7. | YEOH SUGGEST GOVT SUBSIDY EGG MAKER, NATION, KWONG WAH YIT POH -A16a<br>YAP BLAST MAT SABU PROPOSAL TO IMPORT EGG FROM INDIA, NATION, KWONG WAH YIT POH -A16a<br>KRISIS BEKALAN TELUR, MINYAK MASAK TERUS BERULANG, NEGARA, KOSMO -16<br>MINTAK MASAK PAKET, TELUR MASIH TIADA DI PASARAN, DALAM NEGERI, UM -29<br>HARGA SAYUR TURUN KE PARAS NORMAL, AYAM MASIH STABIL, DALAM NEGERI, UM -29 | LAIN-LAIN |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture minister should address hardship faced by egg farmers | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 11 Jan 2023 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 10 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 128 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,851 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,553 |



## 劉國泉：長期進口雞蛋非良策

# 農長應解決蛋農困境

（八打灵再也10日讯）大马福建总商会总会长拿督刘国泉认为，农业及粮食安全部长莫哈末沙布应该设法解决本地蛋农的困境，因为长期依赖进口鸡蛋，并非解决国内鸡蛋短缺问题的良策。

“现在政府制定的C级鸡蛋的顶价是41仙，如果政府能够将顶价上调至和进口印度鸡蛋一样的价格，即每颗50仙，相信国内蛋农是有能力及愿意增产的，国内鸡蛋短缺的问题就可以迎刃而解。”

他发文告说，莫哈末沙布日前远赴印度巡视当地的鸡蛋农场，显示政府是有政治意愿解决国内鸡蛋短缺的问题，惟部长应该首先了解国内蛋农所面对的问题，而不是依赖进口来解决问题。

“进口鸡蛋可以作为解决国内鸡蛋短缺问题的短期策略，我们不能长期依靠进口来满足国民对鸡蛋的需求，因为这涉及很多不利因素，例如外汇流失，再来就是会受制于人，进口物品的价格都将由出口国说了算，我国将失去主动权。”

他指出，其实一直以来，我国的鸡蛋都是自供自足，甚至还有能力把鸡蛋出口到新加坡，如今国内却出现鸡蛋短缺问题，其中最主要的原因并不是因为产能跟不上，而是因为政府制定的鸡蛋顶价设得过低，在生产成本高涨，价格却无法跟上的情况下，蛋农唯有减产来降低亏损。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/1/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Gantung lesen jika guna pukat mata 300

**Alor Setar:** Jabatan Perikanan akan menggantung lesen vesel nelayan yang didapati melanggar syarat dan mengeluarkan kompaun ke atas bot menggunakan pukat mata 300 serta pukat bubu naga.

Timbalan Ketua Pengarah Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah, berkata hukuman itu dikenakan ke atas bot pukat tunda yang dikesan menceroboh kawasan bawah lima batu nautika dari pantai.

"Kita akan ambil tindakan tegas jika berlaku pelanggaran syarat kepada pemilik lesen.

"Selain kompaun, hasil tangkapan akan disita, manakala lesen vesel digantung setahun bertujuan mengurangkan pencerobohan berterusan," katanya di sini, semalam.

Jumaat lalu, media melaporkan pendapatan lebih 1,000 nelayan pantai di Tanjung Dawai, Kuala Muda, terjejas selepas hasil tangkapan berkurangan sejak enam bulan lalu.

| Headline | Yeoh suggest govt subsidy egg maker | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 11 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A16a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 82 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 919 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,758 |



## 杨征家吁提高鸡蛋顶价

# 或补贴生产商



杨征家。

（槟城 10 日讯）马华槟州联委会秘书兼班台慈雅区协调员杨征家呼吁团结政府提高本地鸡蛋的顶价，让本地鸡蛋以每颗 50 仙出售，否则就补贴鸡蛋生产商，让他们能够维持以每颗 41 仙的价格，在市场上出售鸡蛋，减轻 B40 群体的负担。

他指出，团结政府从外国进口鸡蛋，是下下策，因为远道而来的鸡蛋不新鲜，加上空运费或海运费，价格也不会廉宜。因此，让人民继续食用本地生产的鸡蛋，才是最理想的做法。

"如果政府要帮助 B40 群体购买便宜鸡蛋，就应该补贴本地鸡蛋生产商，让他们能够无惧高涨的营运成本而继续生产鸡蛋，并保持鸡蛋价格在 41 仙。"

他说，如果政府不要补贴鸡蛋生产商，就应该让他们能够以较高的顶价出售鸡蛋，即每颗鸡蛋 50 仙，然后再从其他方面补贴 B40 群体。

"政府应该理解，我国会闹鸡蛋荒，是因为全球通货膨胀，原料价格不断上涨，鸡蛋生产商因为无法获利而停止生产，有些农场甚至倒闭。"

杨征家批评政府从印度进口鸡蛋根本是错误的政策。

"农业与粮食安全部长莫哈末沙布说，从印度进口的鸡蛋价格，相信会比本地鸡蛋价格来得更低。这种说法，相信很多人不明白，进口的鸡蛋怎么能比本地生产的鸡蛋便宜？何况，在运输过程中，鸡蛋的质量一定大幅度下跌！"

杨征家说，在全球面临粮食危机的当儿，我国应该大力发展农业。但是，莫哈末沙布从印度进口鸡蛋的做法，简直就是在破坏我国的农业发展！#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Yap blast Mat Sabu proposal to import egg from India | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 11 Jan 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A16a | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 72 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 807 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,422 |



## 农业部长进口印度鸡蛋

# 叶俊纬轰本末倒置



叶俊纬。

（槟城10日讯）民政党槟州宣传局主任叶俊纬炮轰农业及食品安全部长莫哈末沙布舍近求远，本末倒置，没有照顾本地鸡农，反而远赴印度进口鸡蛋，让国民吃既不新鲜，价格又昂贵的鸡蛋。

"我国鸡农多不胜数，每天不断生产新鲜鸡蛋供应人民，但是团结政府不肯取消鸡蛋顶价，导致本地鸡农蒙受损失，团结政府没有看到原料高涨的问题吗？当一家农场的运作费用高过鸡蛋顶价41仙时，你叫鸡蛋生产商如何生存？"

叶俊纬周二发文告时指出，一些鸡农因为生意无法获利，而停止生产，也有一些农场倒闭。令人想象不到的是，团结政府完全没有怜悯之心，不但不扶助鸡农，反而从外国进口鸡蛋。

"本地鸡蛋目前只能以41仙销售，就算操作成本高涨，本地鸡蛋生产商也不能涨价，他们已经被逼到死角。"

"据悉，来自印度的鸡蛋售价为50仙，而且需要一个月时间送来我国，提供人民又昂贵又不新鲜的鸡蛋，团结政府是愚蠢的吗？"

他促请莫哈末沙布解释，为什么要从印度进口鸡蛋？

他也建议团结政府把本地鸡蛋顶价提高至50仙，除了帮助鸡农，也能让人民享有新鲜鸡蛋。

他指出，国内鸡蛋荒问题存在已久，团结政府必须尽快恢复稳定的鸡蛋供应，因为鸡蛋是最基本的日常食品。#

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/1/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |




**PEMBANTU kedai pisang goreng, Mohamad Hakimi Afka menggunakan minyak masak botol selepas minyak peket sukar diperolehi di gerai goreng pisang di Taman Ria Jaya di Sungai Petani semalam.**

## Peniaga terpaksa catu jualan, pendapatan terjejas

# Krisis bekalan telur, minyak terus berulang

**Oleh OTHMAN YAHAYA**

**SUNGAI PETANI** – Masalah kekurangan bekalan minyak masak peket dan telur di daerah Kuala Muda ini berulang lagi apabila barang keperluan itu sukar diperoleh sejak dua minggu lalu.

Situasi itu mengakibatkan ramai pengguna terutama peniaga kecil berdepan tekanan kerana perniagaan mereka terganggu.

Mereka juga mendakwa terpaksa mengeluarkan kos tambahan untuk mencari bekalan bahan mentah itu di merata tempat termasuk di luar daerah.

Tinjauan di beberapa pasar borong di daerah ini mendapati tiada bekalan minyak masak peket dan telur gred A, B dan C dijual di premis tersebut.

Difahamkan, bekalan telur gred C paling teruk terjejas, manakala bekalan gred B dan A pula tidak konsisten.

Peniaga kuih di pasar pagi di Laguna Merbok, Zainah Zakaria, 48, yang tinggal di Taman Ria di sini berkata, dia sering tertekan kerana sukar memperoleh minyak masak peket dan telur gred C.

"Saya cari barang itu di merata tempat tetapi tiada bekalan menyebabkan saya tidak dapat membuat kuih untuk mencari pendapatan.

"Kedua-dua bekalan itu sangat penting dan ia sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan harian kami sekeluarga yang bergantung kepada perniagaan ini," katanya di sini semalam.

Luahan sama disuarakan peniaga makanan di Bandar Utama di sini, Rahim Chik, 53, yang memberitahu, disebabkan kesukaran memperoleh minyak masak peket sejak dua minggu lalu, dia terpaksa menggunakan minyak masak botol sekali gus meningkatkan kos operasi.

"Minyak masak botol lima kilogram berharga RM24 memang senang didapati tetapi sebagai peniaga kecil tentunya ia tidak berbaloi.

"Pelbagai alasan diberikan peniaga apabila kami bertanya tentang minyak antaranya tidak mendapat bekalan daripada pembekal atau barangan belum sampai walaupun pesanan telah lama di buat," ujarnya.

Peniaga goreng pisang di Taman Ria Jaya, Maimun Ali, 43, berkata, kesukaran untuk mendapatkan minyak masak peket menyebabkan dia terpaksa mengehadkan jualan.

"Sebelum ini saya menggunakan tiga tandan pisang untuk digoreng berbanding sekarang hanya satu atau dua tandan sahaja bagi mengurangkan penggunaan minyak masak.

"Pendapatan saya memang terjejas kerana ketiadaan bekalan minyak masak peket pada masa ini," luahnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 11/1/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 29 |

# Minyak masak peket, telur masih tiada di pasaran

**OTHMAN YAHAYA**
utusannews@mediamulia.com.my

**SUNGAI PETANI:** Isu kekurangan bekalan minyak masak peket dan telur di daerah ini belum menampakkan jalan penyelesaian apabila bahan mentah itu masih sukar diperoleh sejak dua minggu lalu.

Keadaan ini menyebabkan pengguna khususnya peniaga kecil berdepan tekanan kerana kehilangan punca pendapatan ekoran tidak dapat berniaga.

Malah, mereka turut terpaksa mengeluarkan kos tambahan mencari bekalan itu di serata kawasan di daerah lain termasuk terpaksa berkorban masa hanya untuk mendapatkan barangan tersebut.

Peniaga kuih-muih di pasar pagi di Laguna Merbok, Zainah Zakaria, 48, yang tinggal di Taman Ria berkata, sejak dua minggu lalu dia buntu kerana sukar memperoleh minyak masak peket dan telur gred C di pasaran.

"Merata-rata tempat saya cari, namun, bekalan itu tiada menyebabkan sukar untuk saya membuat kuih bagi mencari pendapatan.

"Kedua-dua bekalan itu memang penting dan ini sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan harian saya yang bergantung kepada perniagaan ini," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, tinjauan di beberapa pasar borong di daerah ini mendapati tiada bekalan minyak masak peket dan telur gred C dipamer atau dijual di premis-premis terlibat.

Peniaga gerai makan di Bandar Utama, Rahim Chik, 53, berkata, kesukaran memperoleh minyak masak peket sejak dua minggu lalu menyebabkan dia terpaksa beralih menggunakan minyak botol yang lebih tinggi harganya.

"Minyak masak botol lima kilogram berharga RM24 memang senang didapati tetapi sebagai peniaga kecil tentunya ia tidak berbaloi untuk perniagaan kami.

"Pelbagai alasan diberikan oleh peniaga apabila kami bertanya bekalan minyak masak antaranya mereka tidak mendapat bekalan daripada pembekal atau barangan belum sampai walaupun pesanan sudah lama dibuat," katanya.

Peniaga goreng pisang di Taman Ria Jaya, Maimun Ali, 43, berkata, turut mengakui kesukaran mendapatkan minyak masak peket sejak dua minggu lalu sehingga menyebabkan dia terpaksa mengurangkan jumlah goreng pisang yang dijualnya.

"Sebelum ini saya guna tiga tandan pisang pelbagai jenis untuk digoreng berbanding sekarang hanya satu atau dua tandan sahaja bagi mengurangkan penggunaan minyak masak. Memang terjejas pendapatan saya hanya kerana ketiadaan minyak masak paket," katanya.



PEMBANTU gerai, Mohamad Hakimi Afka menuang minyak masak botol menggantikan minyak masak peket yang sukar diperoleh di Taman Ria Jaya, Sungai Petani. -UTUSAN/OTHMAN YAHAYA



SEORANG peniaga memotong ayam di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu Kelantan semalam. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED.

# Harga sayur turun ke paras normal, ayam masih stabil

**KOTA BHARU:** Harga sayur-sayuran yang naik sebanyak 50 peratus sepanjang musim banjir Disember lalu kembali turun dan berada pada paras normal semalam.

Seorang peniaga sayur, Norul Zulkilfi, 37, berkata, penurunan itu melibatkan sayur jenis sawi, kobis, daun salad dan banyak lagi.

Menurutnya, sebelum ini, satu kilogram (kg) sawi yang dijual pada harga RM10 sudah kembali ke harga asal antara RM4 hingga RM5 bagi berat sama.

"Bagaimanapun, untuk sambutan Tahun Baharu Cina, saya tidak dapat meramalkan sama ada akan berlaku kenaikan atau sebaliknya.

"Semua ini bergantung kepada harga yang dibekalkan kepada kami oleh pihak pemborong," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Siti Khadijah mendapati harga ayam masih dijual dengan harga RM9 hingga RM9.40 satu kg.

Seorang peniaga ayam, Aida Wahab, 45, berkata, setakat ini, dia masih menjual harga ayam mengikut kawalan yang ditetapkan oleh kerajaan.

Katanya, dia menjangkakan harga ayam mungkin tidak dinaikkan, walaupun ada kalangan pelanggan mendakwa harga pasarannya ketika ini agak mahal sedikit.